



www.plm.org.my

## JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (2) Disember 2018 (001-009)

### Unsur Pengulangan Dalam Lirik Lagu Dikir Barat

Siti Asma Ahmad  
[Siti\\_asna90@yahoo.com](mailto:Siti_asna90@yahoo.com)

Hazlina Abdul Halim  
[hazlina\\_ah@upm.edu.my](mailto:hazlina_ah@upm.edu.my)

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi  
[nrafidah@upm.edu.my](mailto:nrafidah@upm.edu.my)

*Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia*

---

#### Abstrak

Kepaduan dalam sebuah wacana amat penting untuk memberikan gambaran tentang apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Lirik merupakan salah satu elemen wacana yang penting untuk membentuk lagu yang sempurna. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan mengupas penggunaan salah satu aspek kohesi leksikal oleh Halliday & Hasan (1976) iaitu aspek pengulangan dalam lirik lagu dikir barat. Penelitian ini merupakan penelitian kualitatif, di mana sampel untuk kajian ini ialah 20 lirik lagu dikir Barat oleh Halim Yazid. Kesemua korpus lirik lagu mempunyai 96 rangkap serta mengandungi empat hingga enam baris bagi setiap rangkap. Hasil penelitian menunjukkan pengulangan lirik pada peringkat perkataan, frasa dan ayat. Didapati pengulangan yang dilakukan adalah bertujuan untuk menarik perhatian pendengar untuk kepada tema dan mesej berbentuk nasihat dan sindiran yang ingin disampaikan melalui lirik lagu tersebut.

Kata kunci: Kohesi leksikal, aspek pengulangan, lirik lagu, Dikir Barat

#### *Repetition Elements in Lyrics of Dikir Barat*

#### Abstract

*Cohesion in a discourse is very important to portray what the writer wants to say. Lyrics are one of the important elements in discourse to form a perfect song. Therefore, this paper aimed to examine the use of one aspect of lexical cohesion by Halliday & Hasan (1976), which is the repetition aspect in lyrics of the Dikir Barat songs. This research is a qualitative research, where the sample for this study consists of 20 lyrics of Dikir Barat songs by Halim Yazid. The whole corpus consists of 96 paragraphs which have four to six rows for each paragraphs. The results of the study indicate that the repetitions of Dikir Barat lyrics were seen at the level of words, phrases and sentences. It was found that the repetition aimed at attract listeners to the theme and message in the form of advice and satire that the writer wish to convey through the lyrics of the song.*

*Keyword: Lexical cohesion, repetition, song lyrics, Dikir Barat*

---

## Pengenalan

Negeri Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan kesenian dan kebudayaan untuk sajian pelancong dan rakyat setempat semua pihak. Antara bentuk kesenian rakyat yang popular di Kelantan ialah wayang kulit, Makyong, Main Puteri dan Dikir Barat. Dikir barat merupakan satu persembahan berbentuk ulangan rangkap yang dinyanyikan secara beramai-ramai dalam sesuatu masa, dengan diketuai oleh Tukang Karut. Menurut Hamidah Yaacob (2010), perkataan dikir merujuk kepada persembahan lagu dan manakala barat pula membawa maksud kepada pembahagian empat wilayah yang terdapat di selatan Thailand iaitu Yala, Narathiwat, Songkla dan Patani. Dikir barat ialah hasil kombinasi seni, iaitu perkataan 'dikir' dan 'karut' atau 'zikir' dan 'karut'.

## Sorotan kajian

Masyarakat Kelantan beranggapan dikir barat sebagai satu medium yang paling tepat untuk berhibur sambil menghayati mesej berguna yang disajikan melalui nyanyian tersebut (Hamidah Yaacob, 2010). Penerapan tradisi ilmu oleh pendikir melalui gagasan lirik yang puitis dan struktur binaan yang sistematik. Hashim Awang (1987) menyatakan bahawa masyarakat menganggap dikir barat sebagai satu wadah untuk memahami budaya bangsa. Di samping itu, dikir barat berperanan sebagai hiburan dan juga mempunyai nilai pembentukan peribadi dan personaliti serta penerapan ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepada masyarakat.

Lirik merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah persembahan dikir barat. Lirik berfungsi mengutarakan idea dan pemikiran dalam penyampaian sesebuah lagu dan kandungan yang terdapat dalam lirik dengan menyentuh aspek kehidupan masyarakat (Arbai'e Sujud, 1999). Selain itu, menurut Shahnom Ahmad (1991) lirik juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan fungsi wacana. Hal ini adalah kerana, peranan sesebuah karya Melayu tradisional ataupun linguistik sebagai penganalisisan diri sendiri, masyarakat dan pembaca. Kajian-kajian lepas juga mendapat bahawa kajian tentang lirik lagu dapat menarik perhatian pembaca malah dapat memberi manfaat kepada pendengar dan pencinta lagu (Normaliza Abd Rahim, 2014; Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim, 2015; Normaliza Abd Rahim & Nik Ismail Harun, 2016; Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim, 2017; Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim, 2017).

Menurut Amir Husairi Sharif (2006), hampir keseluruhan lirik lagu yang dihasilkan oleh pengkarya padat dengan lirik yang berfungsi untuk menyampaikan sesuatu mesej. Mesej yang disifatkan tersebut merangkumi makna berdasarkan kepada pemilihan aspek kokesi leksikal seperti pengulangan, sinonim dan antonim di sebalik bait-bait kata lirik tersebut. Berpandukan kepada aspek kohesi leksikal iaitu pengulangan, sinonim dan antonim, aspek ini menjadi sandaran untuk menghasilkan lirik yang akan memberikan impak kepada pendengar.

Antara hasil kajian lepas yang memperkatakan tentang wacana kohesi ialah kajian yang Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria (2015) yang meninjau aspek wacana kohesi yang terdapat dalam karangan pelajar. Kajian mereka adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan aspek kohesi gramatikal dalam karangan bahasa Melayu pelajar pada peringkat pengajian tinggi awam. Sampel kajian yang digunakan adalah para pelajar institusi pengajian tinggi awam dengan menggunakan karangan sebagai bahan kajian. Dapatan mereka mendapati terdapat penanda penghubung berfungsi sebagai cara untuk menjalinkan atau menghubungkan unsur-unsur dalam linguistik seperti perkataan, frasa, atau ayat yang terdapat dalam karangan. Manakala, penanda kohesi gramatikal pula terdiri daripada penghubung tambahan, berlawanan, sebab-akibat, waktu dan syarat.

Sementara itu, antara kajian lepas yang berkenaan kohesi leksikal dalam lirik ialah kajian oleh Rini Agustina (2016) yang meneliti tentang lirik lagu 'Jika' karya Melly Goeslow. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan mikrostruktural dengan menitikberatkan unsur leksikal dan unsur gramatikal. Hasil pemerhatian beliau mendapati terdapat unsur gramatikal iaitu pengacuan, elipsis

dan konjungsi (*conjunction*) terkandung dalam lirik lagu *Jika*. Manakala aspek leksikal pula ialah terdapat aspek pengulangan, sinonim dan antonim.

Justeru, penelitian ini berpandukan teori kohesi oleh Halliday & Hassan (1976) yang dibahagikan kepada kohesi leksikal dan kohesi nahuan. Kohesi nahuan atau juga dikenali dengan kohesi gramatikal, secara khususnya ialah pertalian antara sintaksis, manakala kohesi leksikal pula yang pertalian antara perbendaharaan kata untuk menghasilkan pertalian semantik atau makna.

Jadual 1 : Sempadan antara kohesi nahuan dan leksikal (Halliday & Hassan, 1976)

<b>Bil</b>	<b>Kohesi Nahuan (Grammatical Cohesion)</b>	<b>Kohesi Leksikal (Lexical Cohesion)</b>
1	Rujukan ( <i>Reference</i> )	Pengulangan atau Reiterasi ( <i>Reiteration</i> )
2	Penggantian ( <i>Subtitution</i> )	Kolokasi ( <i>Collocation</i> )
3	Elipsis ( <i>Ellipsis</i> )	Konjungsi ( <i>Conjuntion</i> )

Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis lirik dikir barat dari aspek kohesi leksikal, iaitu pengulangan dalam usaha untuk membuktikan bahawa pengkarya atau penulis lirik tidak hanya terhad kepada perkataan yang gramatis sahaja tetapi lebih jauh daripada konteks perkataan atau lebih besar daripada ayat. Ini adalah kerana perenggan dan keseluruhan lirik lagu dilihat sebagai satu teks yang terjalin dengan tekstur yang bermakna dan tepat dengan tema atau tajuk lirik lagu. Oleh yang demikian, lirik lagu yang baik atau kurang baik yang dihasilkan oleh pengkarya boleh dilihat daripada segi pertautan atau kohesi, dan koheren.

### Batasan Kajian

Kajian ini berteraskan kepada fungsi kohesi leksikal dalam lirik lagu dikir barat, karya Halim Yazid. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan 20 lirik lagu dalam album yang telah dihasilkan oleh Halim Yazid seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 : Tajuk-tajuk lirik lagu dalam album-album Halim Yazid


<b>BIL</b>	<b>TAJUK LAGU</b>
1	Bonda
2	Qayyum
3	Mat Jenin
4	Daulat tuanku
5	Tepung kita
6	Apa khabar orang kampung
7	Sungai kelang
8	Sangkakala
9	Tupai
10	Cermin
11	Isteri
12	Angin
13	Saing Saya
14	Kecek dengan Anak
15	Keperitan dirimba
16	Yanti
17	Diri Ambo
18	2001 Tahun Cabaran
19	Ani
20	Saya Bukan Cikgu

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks secara deskriptif berdasarkan kepada aplikasi kerangka Halliday & Hassan (1976). Teks yang digunakan ialah lirik lagu dikir barat Halim Yazid daripada enam buah album iaitu Angin (2003), Inovasi (2001), Infiniti (2003), Sarana dan Personaliti (2004) dan Destini (2008). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menggunakan 20 lirik lagu yang terdapat di dalam keenam-enam buah album tersebut. Kesemua lirik lagu yang digunakan mempunyai 96 rangkap serta mengandungi empat hingga enam baris bagi setiap rangkap. Menurut Halliday & Hassan (1976:38), kohesi leksikal merujuk kepada pertalian leksikal dalam frasa. Tingkat hubungan yang lebih kuat akan membentuk ikatan kohesi yang kuat. Antara aspek kohesi leksikal ialah pengulangan, sinonim, antonim, hiponim, meronim dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan membincangkan aspek pengulangan sahaja.

## Kerangka Teori

Dalam kerangka Halliday & Hassan (1976), kohesi dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu kohesi nahuan, kohesi gramatikal dan kohesi leksikal. Namun, kajian ini hanya akan melihat dari aspek leksikal dalam lirik lagu dikir barat seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Aspek kohesi menurut Haliday & Hassan (1976)

Menurut Halliday & Hassan, (1976), repetisi adalah pengulangan satuan lingual (bunyi, suku kata, kata atau bahagian ayat) yang dianggap penting untuk memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. Bagi Oktafianus (2006:63) pula, pengulangan merupakan kemunculan bentuk yang sama yang mengacu makna yang sama dalam suatu wacana. Sumarlam (2008:43) seterusnya menyatakan pengulangan ialah ulangan satuan lingual (bunyi, suku kata, kata, maupun bagian kalimat) yang dianggap penting untuk memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai.

Keraf (1996) menyifatkan pengulangan sebagai perkataan yang sering kali diulang dalam lirik lagu yang terhasil daripada "kata isi". Hal ini ialah kerana perkataan-perkataan tersebut adalah perkataan yang amat penting bagi sesuatu ayat yang dibentuk dan dibina bagi teks ataupun wacana. Aspek pengulangan digunakan untuk menimbulkan kesan yang mendalam kepada masyarakat. Dengan itu, dapat difahami bahawa pengulangan kata yang digunakan hampir dalam keseluruhan lirik lagu dikir barat yang dikaji. Pengulangan kata ini dilakukan sama ada, antara baris, dalam baris dan dalam rangkap. Dalam kajian ini, pengulangan merujuk kepada, ulangan kata, frasa dan ayat dalam lirik lagu dikir barat.

## Analisis data

Berdasarkan data daripada 20 lirik lagu dikir barat yang dikaji, ketiga-tiga aspek kohesi leksikal iaitu pengulangan didapati telah digunakan secara meluas dalam lirik. Menurut Halliday & Hassan (1976: 278), pengulangan merujuk kepada penyebutan semula satu unit leksikal yang sama telah disebutkan sebelumnya yang merangkumi pengulangan merangkumi pengulangan kata, pengulangan frasa atau pengulangan ayat.

### a. Pengulangan kata

Dalam kajian ini, pengulangan kata dilihat bertujuan untuk menekankan tentang emosi dalam penceritaan melalui lirik yang disampaikan. Contoh pengulangan kata dapat dilihat daripada lirik lagu yang bertajuk “Bonda” di bawah:

#### Rangkap 1

Balik kapo mengunjung bertemu bonda  
**Ghaso** beghuntungnyo dighi ambo

#### Rangkap 2

Buko pitu ghumoh bondo  
**Ghaso** sayu serto-merto

(Lagu: Bonda)

Berdasarkan kepada contoh yang telah dihitamkan di atas, perkataan “*ghaso*” merupakan pengulangan di awal baris dalam rangkap pertama dan kedua di baris yang sama iaitu dalam baris yang kedua. Pengulangan ini disebut sebagai pengulangan di awal baris dalam rangkap yang berbeza. Pengulangan kata juga dapat dilihat dalam lirik lagu Sungai Kelang, melalui perkataan “*sunga*” yang diulang-ulang dalam satu rangkap.

#### Rangkap 1

Banjir kilat di kualo lupu  
**Sunga** lalu kot tengoh banda  
**Sunga** tahu sejarah awa  
 Oghe melayu lah tue punyo hok asa  
 Sebelo maghi oghe lua  
**Sunga** ni lawa

(Lagu: Sungai Kelang)

Tujuan pengulangan ini dilakukan adalah untuk menarik pendengar untuk memberikan perhatian kepada tema dan mesej yang ingin disampaikan melalui lirik lagu tersebut. Aspek pengulangan di sini juga adalah sebagai kesinambungan idea yang diutarakan, untuk memperkuat pernyataan bagi menimbulkan kesan keseimbangan dalaman dan luaran.

### b. Pengulangan frasa

Hal ini dapat diperhatikan dalam lirik lagu “*Tupai*” melalui rangkap yang pertama pada baris yang pertama iaitu pada frasa “*kejadey tuhey dipanggil namo tupai*” telah diulang pada baris yang keempat dalam rangkap yang sama. Manakala pada rangkap yang ketiga, kelima dan kelapan di akhir setiap rangkap juga pengulangan frasa dibuat pada lirik.

#### Rangkap 1

**Kejadey tuhey dipanggil namo tupai**  
 Asalnyo di daley hutey  
 Sejenis mamalia  
**Kejadiy tuhan dipanggil namo tupai**

Kalu pasal jangkit ko dehea  
Diolah hok paling panda  
Jatuh jarey-jarey kerano dio tok sabor

Rangkap 3

Panda-panda tupai melompat  
Jatoh tanoh jugak  
Nok wi gambar ko ore jahat  
**Jange telajok manghok**  
**Jange telajok manghok**

Rangkap 5

Oghe kapo tupai sekor  
Beghambat haghi-haghi  
Nyo pakat likung nyo pakat pekong  
**Tupai tok leh laghi**  
**Tupai tok leh laghi**

Rangkap 8

Loni kapo ata banda  
Jarey boleh tengok  
Bapak tupai ibu tupai  
**Jale-jale bawok anak**  
**Jale-jale bawok anak**

(Lagu: Tupai)

Pada rangkap yang ketiga frasa “*jange telajok manggok*” telah diulang pada rangkap perenggan dan kelima, begitu juga pada rangkap kelima, untuk frasa “*tupai tok leh laghi*” dan rangkap kelapan pada frasa “*jale bawok anak*”. Menurut Roslina Abu Bakar (2011), sikap manusia yang bertindak zalim merupakan salah satu perbuatan yang tidak berperikemanusiaan, tidak adil, menganiaya dan kejam terhadap haiwan tanpa ada sebab yang munasabah. Berdasarkan kepelbagaian lambang alam semulajadi termasuk flora dan fauna yang digunakan oleh penulis dalam lirik lagu Tupai, dapat dilihat bahawa alam semulajadi mempunyai kaitan yang sangat utuh dengan perlakuan manusia. Hakikatnya, masyarakat Melayu merupakan pemerhati alam yang setia dan mereka bersahabat serta berinteraksi dengan alam dengan baik. Setiap unsur alam, khususnya haiwan dijadikan simbol dan dihubungkan dengan manusia sama ada sebagai gambaran kehidupan, pantulan sikap ataupun perlakuan yang perlu dijadikan teladan dan sempadan. Hal ini dapat diperhatikan dalam lirik dikir barat di atas, yang menjadikan Tupai sebagai perlambangan untuk penceritaan mengenai kehidupan manusia.

Selain itu, dalam lirik lagu “*Qayyum*” juga, terdapat frasa yang berulang di rangkap yang kedua dan ketiga pada baris yang pertama iaitu “*Yum, mari yum kito main dikir barat*” seperti berikut:

Rangkap 2

**Yum maghi yum kito main dikir barat**  
Seni ore kapo mene ore darat  
Duk alik punggung acu peghati papa buat  
Tepuk skali ngan gong, so duo tigo pat

Rangkap 3

**Yum maghi yum kito main dikir barat**

Mulo naik panggung ingat jangey wat silap  
Maghi pakat liko baghu soro bunyi kuat  
Tradisi turun temughun tandi kito sumo spakat  
(Lagu: Qayyum)

Pengulangan dalam lirik lagu Qayyum ini dilihat untuk menarik perhatian pendengar tentang motif lagu tersebut untuk mengajak anak-anak berdikir barat, dengan harapan seni warisan Kelantan ini akan diwarisi oleh generasi muda.

*c. Pengulangan ayat*

Pengulangan ayat juga dapat diperhatikan dalam lirik lagu Dikir Barat melalui lagu-lagu seperti Bonda dan Mat Jenin.

Rangkap 3

**Ampunilah ibu, halallah bonda,  
Setitik susu bowok ko syurgo,  
Ampunilah ibu, halallah bondo,  
Setitik susu bowok ko syurgo,**  
(Lagu: Bonda)

Melalui contoh lirik lagu Bonda di atas, pengulangan dilihat pada ayat pertama “*ampunilah ibu halallah bondo*” dan kedua “*setitik susu bowok ko syurgo*”, yang diulang pada baris ketiga dan keempat. Pengulangan ini adalah untuk memberi penghayatan kepada pendengar tentang darjat dan kemuliaan seorang ibu yang harus dipatuhi sepanjang masa.

Seterusnya, dalam lirik lagu “*Mat Jenin*” pula, aspek pengulangan dilihat pada keseluruhan rangkap pertama yang diulang pada rangkap kedua.

Rangkap 1

**Mat jenin susoh tak dop gapo  
Khoyaley tinggi nok nikoh ngan anak rajo  
Suatu hari pun buat kijo  
Pohon nyiur tinggi dio naik koho-koho**

Rangkap 2

**Mat jenin susoh tak dop gapo  
Khoyaley tinggi nok nikoh ngan anak rajo  
Suatu hari pun buat kijo  
Pohon nyiur tinggi dio naik koho-koho**

(Lagu: Mat Jenin)

Berdasarkan kepada lirik lagu di atas, rangkap yang diulang adalah penceritaan seorang pemuda yang bernama Mat Jenin yang lahir daripada golongan keluarga miskin. Mat Jenin mempunyai angan-angan yang tinggi yang tidak tercapai hasratnya iaitu ingin berkahwin dengan puteri raja. Namun yang demikian, beliau tidak berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu.

Lirik lagu ini memaparkan sindiran kepada realiti masyarakat setempat yang bercita-cita tinggi tetapi alpa dalam pekerjaan. Melalui penceritaan berbentuk lirik dikir yang diulang-ulang, penulis lirik cuba memberikan sindiran dan pengajaran kepada masyarakat melalui hiburan dan nyanyian.

Hal yang sama dapat dilihat dalam lirik lagu “Tepung kita” di mana aspek pengulangan dilihat pada keseluruhan rangkap pertama yang diulang pada rangkap kedua. Melalui lirik lagu ini, penulis ingin memberikan informasi dengan memperkenalkan kepelbagaian kuih-muih di negeri Kelantan.

#### Rangkap 1

**Ketupat-ketupat tapey bekey chekmek teghe woh hulu  
Jelebak akok seghabey tahik itik woh gomok kosu  
Nekbak onday-oday senggupal butey sagu  
Cendo lopak tikey buah tanjung poli ubi kayu**

#### Rangkap 2

**Ketupat-ketupat tapey bekey chekmek teghe woh hulu  
Jelebak akok seghabey tahik itik woh gomok kosu  
Nekbak onday-oday senggupal butey sagu  
Cendo lopak tikey buah tanjung poli ubi kayu**  
(Lagu: Tepung Kita)

### Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian salah satu aspek kohesi leksikal iaitu aspek pengulangan dalam lirik lagu dikir barat. Sebanyak 20 lirik lagu telah dipilih sebagai sampel kajian. Dapatan menunjukkan pengulangan berlaku pada peringkat perkataan, frasa dan ayat lagu dikir barat, dan bertujuan untuk menarik perhatian pendengar untuk menghayati mesej yang berbentuk nilai moral, sindiran dan nasihat oleh pencipta lagu. Sesebuah lirik yang terhasil sebenarnya merupakan ilham atau imaginasi penciptanya. Lantaran itu, akan wujud aspek pengulangan berdasarkan pemikiran dan persoalan yang dikemukakan oleh penulis lirik. Aspek kohesi ialah salah satu aspek keanekaragaman bahasa yang perlu diberikan perhatian untuk pengertian makna yang lebih mendalam. Justeru, diharapkan kajian selanjutnya akan melihat aspek kohesi yang lain dalam kesenian Melayu ini.

Keputusan kajian ini memberi manfaat kepada penggemar lagu dikir barat serta penulis lirik. Hal ini kerana penggemar lagu dikir barat dapat peroleh pengetahuan melalui lirik lagu dan kandungan lirik tersebut meninggalkan kesan serta nasihat kepada khalayak. Selain itu, penulis lirik lagu dikir barat dapat memberi nasihat serta meninggalkan kesan yang positif melalui lirik lagu yang baik dan berkesan. Adalah diharapkan kajian akan datang dapat memberi tumpuan terhadap lirik lagu dikir barat melalui aspek kohesi yang lain.

### Rujukan

- Amir Husaini Sharif (2006). Apa Ada Pada Lirik. *Dewan Budaya*. Mac, 23-25.
- Arba'ie Sujud (1999). *Eстетika Dalam Lirik Lagu-lagu Nyanyian P. Ramlee*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Halliday, M.A.K & Hassan (1976). *Cohesion in English*, London: Longman.
- Hamidah Yaacob (2010). *Hiburan Tradisional Kelantan*. Dalam Khoo Kay Lim. (ed). *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017) Perlambangan Kata Kerja dalam Lirik Lagu ‘Bebaskan’ Berdasarkan Teori Relevans. *Journal of Business and Social Development*. 5 (1), 102-111
- Hashim Awang (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.



- Keraf, G. (1994). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Normaliza Abd Rahim (2014) Perception on the Animal Fable ‘Bird of Paradise’ Song. *Asian Social Science Journal*. October, 10 (19), 17-23
- Normaliza Abd Rahim & Nik Ismail Harun (2016) Students’ Perception towards Malay Folklore Songs. Springer Science and Business Media Singapore 2016 Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS 2014), DOI 10.1007/978-981-10-1458-1\_59, 641-648
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama’yah Zakaria (2015). Kohesi gramatikal penghubung dalam karangan berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 3, 101-113.
- Oktafianus, R. (2006). *Analisis Wacana Lintas Bahasa*. Padang: Andalas University Press.
- Roslina Abu Bakar (2011). *Cerita Rakyat Melayu: Analisis dari Aspek Komunikasi Dua Hala*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Shahnom Ahmad (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim (2017). Tahap Keberkesanan Lagu “Si Pintar” Dan “Si Manis Dan Kura-Kura” Terhadap Kanak-Kanak. *Journal of Business and Social Development*, 5 (2), 102-110
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim (2015) Laras Bahasa dalam Lirik Lagu “Hakim yang Bijaksana”. *Journal of Business and Social Development*. 3 (2), 103-113
- Sumarlam (2008). *Teori dan Praktik Analisis Wacana*. Surakarta: Pustaka Cakra.